

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-13 (2016)

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**
[KUALA TERENGGAN]

SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi menepati konsep 1Malaysia, apakah usaha Kerajaan untuk menambah kakitangan Kerajaan yang bukan berbangsa Melayu dan apakah peratusan mereka yang berbangsa Melayu, Cina dan India hari ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) melaksanakan urusan pengambilan ke dalam perkhidmatan awam berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon. Semua calon mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil (*open and fair competition*) tanpa mengira bangsa, agama atau jantina. Melalui sistem pengambilan berkomputer iaitu Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM), semua rakyat Malaysia termasuk bukan Melayu boleh memohon secara dalam talian (*online*) melalui borang SPA8i di Portal SPA pada bila-bila masa dan di mana jua di seluruh dunia.

SPA berpandangan bahawa kaedah pengambilan berdasarkan merit yang dilaksanakan pada masa ini memberi peluang yang adil kepada semua calon dan memastikan hanya calon yang berkualiti sahaja yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam. Namun demikian, Suruhanjaya turut mengambil kira elemen

masyarakat inklusif dengan memberikan keutamaan dalam proses pengambilan penjawat awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU), penerima bantuan di bawah program rakyat termiskin (e-kasih) dan masyarakat Orang Asli yang memenuhi syarat minimum skim perkhidmatan.

Pada tahun 2015, SPA telah menerima sebanyak 1,629,882 permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam di mana 1,297,534 daripadanya adalah permohonan daripada kaum Melayu, 26,910 permohonan daripada kaum Cina, 56,347 permohonan daripada kaum India, 124,811 permohonan daripada Bumiputra Sabah, 91,476 permohonan daripada Bumiputra Sarawak, 3,535 permohonan daripada Orang Asli dan 29,269 permohonan dari lain-lain kaum.

Daripada jumlah tersebut, seramai 19,161 calon Melayu telah dilantik tetap ke dalam perkhidmatan atau 15.13% daripada jumlah calon Melayu yang hadir temu duga; seramai 1,192 calon Cina telah dilantik tetap atau 42.02% daripada jumlah calon Cina yang hadir temu duga; seramai 971 calon kaum India telah dilantik tetap atau 25.29% daripada jumlah calon India yang hadir temu duga; seramai 1,608 calon Bumiputra Sabah telah dilantik tetap atau 15.23% daripada jumlah calon Bumiputera Sabah yang hadir temu duga; seramai 1,214 calon Bumiputra Sarawak telah dilantik tetap atau 12.51% daripada jumlah calon Bumiputera Sarawak yang hadir temu duga; seramai 174 calon Orang Asli telah dilantik tetap atau 16.70% daripada jumlah calon Orang Asli yang hadir temu duga; dan seramai 380 calon dari kaum-kaum lain telah dilantik tetap atau 14.74 % daripada jumlah calon kaum-kaum lain yang hadir temu duga.

Sekian, terima kasih.